

**Bil. 38**

**Selasa**

**13 Jun 2023**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KELIMA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Pengurusan Haiwan Liar dan Terbiar di Kawasan Bandar dan Pekan**  
- *YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)* (Halaman 1)
- **Pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama Pakej 6**  
- *YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)* (Halaman 5)
- **Naik Taraf Jalan Kemayan-Temerloh**  
- *YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)* (Halaman 7)
- **Isu Ternakan Ikan Sangkar Sungai Pahang**  
- *YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)* (Halaman 9)

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 13 Jun 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**PENGURUSAN HAIWAN LIAR DAN TERBIAR**  
**DI KAWASAN BANDAR DAN PEKAN**

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Silakan, Yang Berhormat Bentong.

**2.34 ptg.**

**Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada 24 Mei 2023, telah terjadi satu kes kematian seorang warga emas di Taman Saga Bentong ketika operasi menangkap anjing liar dijalankan di kawasan tersebut.

Kes ini adalah yang pertama dilaporkan ketika operasi menangkap anjing berjalan. Namun kes-kes pergelutan antara penguat kuasa dengan individu yang menjaga dan memberi makan anjing liar kerap tular di media sosial.

Ada juga yang mendakwa anjing peliharaan mereka ditangkap sewaktu operasi tangkapan anjing liar oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Isu ini menimbulkan kemarahan orang ramai terutamanya pencinta haiwan.

Negara kita juga mempunyai masalah seperti kucing terbiar dan burung-burung liar seperti gagak dan merpati yang serius. Walaupun kucing terbiar tidak memberikan ancaman kepada orang ramai namun pembiakan kucing-kucing terbiar ini sedikit sebanyak mengganggu.

Burung gagak dan merpati yang banyak pula menyebabkan kawasan bandar dan pekan terutamanya di kawasan yang mempunyai pokok atau bangunan yang boleh dijadikan sarang menjadi kotor dengan najis haiwan, selain turut mengancam kesihatan orang ramai.

Oleh yang demikian, Bentong ingin mengemukakan beberapa soalan kepada pihak kementerian berkaitan hal ini:

- (i) apakah dan adakah terdapat prosedur yang jelas untuk prosedur operasi tangkapan anjing liar yang telah dikeluarkan bagi rujukan pihak PBT?;
- (ii) adakah Kementerian bercadang untuk menggubal undang-undang baharu yang lebih berperikemanusiaan berkaitan dengan prosedur tangkapan anjing liar?;
- (iii) adakah PBT akan menangkap setiap anjing yang berkeliaran ketika operasi walaupun anjing berkenaan mempunyai kolar atau lesen?;
- (iv) apakah yang akan terjadi kepada anjing yang telah ditangkap oleh PBT? adakah anjing yang ditangkap akan dilupuskan?;
- (v) berapakah jumlah anjing yang telah ditangkap di seluruh negara sejak tiga tahun lalu?;
- (vi) adakah kementerian akan memperkenalkan dan memperluas kaedah "*trap & neuter*" kepada PBT di seluruh negara bagi membendung pembiakan anjing liar dan juga kucing terbiar, seperti yang diamalkan oleh majlis bandar raya pulau pinang terhadap anjing liar?;
- (vii) adakah kementerian akan memperuntukkan bajet untuk setiap PBT di seluruh negara untuk tujuan pengurusan haiwan ini?;
- (viii) adakah kementerian akan mengenakan hukuman kepada pemilik anjing dan kucing peliharaan yang meninggalkan / membuang anjing dan kucing mereka sehingga menyebabkan haiwan ini menjadi sebahagian daripada kawanan anjing liar dan kucing terbiar?;
- (ix) adakah PBT dibenarkan untuk mengupah kontraktor untuk tujuan operasi tangkapan anjing liar ini? apakah kriteria lantikan kontraktor dan adakah penguat kuasa turut hadir sewaktu operasi tangkapan?;
- (x) apakah rancangan kementerian secara khusus bagi membendung masalah ini secara keseluruhan bagi menjadikan bandar-bandar dan pekan-pekan tempat yang bersih tanpa ancaman dan kehadiran haiwan-haiwan liar dan terbiar?

Bentong memohon respons daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

**2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bentong atas

keprihatinan mengenai isu pengurusan haiwan liar dan terbiar di kawasan bandar dan pekan.

Secara keseluruhannya, terdapat 10 persoalan yang telah dibangkitkan dan jawapannya adalah seperti berikut:

Soalan pertama, apakah dan adakah terdapat prosedur yang jelas untuk prosedur operasi tangkapan anjing liar yang telah dikeluarkan bagi rujukan pihak PBT?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memaklumkan Garis Panduan Tatacara Operasi Seragam (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2014 melalui surat Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 5 Tahun 2014 kepada semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengguna pakai SOP ini bersekali dengan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing PBT yang dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Soalan kedua, saya terus bacakan jawapan sahaja.

Undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan tangkapan binatang (termasuk anjing liar) ialah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) adalah bersifat umum. Prosedur yang lebih terperinci pula dinyatakan dalam SOP sedia ada yang telah disediakan secara komprehensif melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Badan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Pencinta Haiwan dan wakil-wakil PBT, selaras dengan peruntukan Akta Kebajikan Haiwan 2015. SOP sedia ada juga telah dikemas kini pada tahun 2022 agar pemakaiannya menepati keperluan semasa.

Soalan ketiga, jawapannya, Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing PBT yang dikuatkuasakan telah memperuntukkan bahawa mana-mana anjing sama ada berlesen atau tidak berlesen yang didapati berkeliaran atau merayau di tempat awam tanpa kawalan pemilik anjing atau penyelia adalah ditafsirkan sebagai Anjing Terbiar dan PBT boleh mengambil tindakan mengikut tatacara SOP KPKT tersebut.

Di samping itu, pemunya anjing berlesen adalah bertanggungjawab memastikan anjingnya berada di bawah kawalan berkesan seseorang apabila anjing itu dibawa keluar daripada premis pemunya.

Soalan keempat, jawapannya, mana-mana anjing yang ditangkap oleh PBT akan ditempatkan di kurungan sementara mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu tujuh ari untuk anjing berlesen dan dua hari untuk anjing tidak berlesen bagi memberikan tempoh yang wajar untuk pemilik atau penyelia anjing membuat tuntutan semula dengan bayaran denda atau mendapatkan lesen bagi anjing berkenaan. Bagi anjing yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan pula akan didaftarkan ke dalam Program Anjing Angkat untuk diserahkan kepada individu atau NGO yang berminat untuk memeliharanya.

Sekiranya PBT mendapati tiada pihak yang menuntut semula anjing yang ditangkap selepas melepasi tempoh yang ditetapkan, atau tiada individu yang berminat untuk memelihara, atau anjing berkenaan disahkan berpenyakit oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, anjing tersebut akan dilupuskan mengikut tatacara di bawah Akta Doktor Veterinar 1974. Bagi tahun 2020 hingga 2022,

sebanyak 79,173 aduan berkaitan anjing telah diterima oleh PBT di seluruh negara dengan 159,689 ekor anjing terbiar telah ditangkap oleh PBT.

Dalam tempoh yang sama, jumlah kes gigitan anjing yang dilaporkan secara rasmi di seluruh negara adalah sebanyak 38,039 kes. Jumlah kes Penyakit Anjing Gila atau *rabies* yang dilaporkan adalah sebanyak 35 kes dengan 30 kes kematian. Perincian kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Aduan Anjing Diterima	Tangkapan	Kes Gigitan Anjing Dilaporkan	Kes Rabies (Kematian)
2020	15,305	33,614	15,671	9 (8)
2021	27,878	56,788	12,039	10 (10)
2022	35,990	69,287	10,329	16 (12)
<b>JUMLAH</b>	<b>79,173</b>	<b>159,689</b>	<b>38,039</b>	<b>35 (30)</b>

Adakah kementerian akan memperkenalkan dan memperluas kaedah “*trap & neuter*” kepada PBT di seluruh negara bagi membendung pembiakan anjing liar dan juga kucing terbiar, seperti yang diamalkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang terhadap anjing liar?

Buat masa ini, KPKT dan PBT mengamalkan kaedah “*Trap-Reclaim-Rehome*” seperti mana tatacara SOP sedia ada iaitu anjing terbiar yang ditangkap oleh PBT boleh dituntut semula oleh pemilik atau penyelia anjing atau diserahkan untuk program anjing angkat (*adoption program*). KPKT tiada halangan sekiranya pihak NGO ingin melaksanakan kaedah “*trap & neuter*” dan menanggung kos tersebut yang agak tinggi iaitu antara RM150-RM200 bagi seekor anjing dengan syarat anjing tersebut tidak dilepaskan semula di tempat awam untuk mengawal isu anjing terbiar, risiko serangan dan penyakit anjing gila serta isu kebersihan dan kesihatan persekitaran kepada masyarakat.

KPKT mengambil maklum pendekatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang melaksanakan kerjasama dengan NGO untuk program anjing angkat dengan mengamalkan kaedah “*trap & neuter*” kerana pihak NGO menjalankan dan menanggung segala kos prosedur pemandulan (*neuter*) terhadap anjing terbiar yang ditangkap.

KPKT tidak menyediakan peruntukan khusus kepada PBT untuk menanggung kos pengurusan anjing terbiar. Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing PBT yang sedia ada telah menggariskan tatacara tindakan terhadap pemilik atau penyelia anjing yang membiarkan anjing berkeliaran atau merayau di tempat awam tanpa kawalan.

PBT akan menguruskan anjing yang ditangkap mengikut SOP KPKT sedia ada dan tindakan kompaun akan dikenakan terhadap pemilik atau penyelia anjing semasa proses tuntutan semula. Kadar kompaun bagi setiap PBT adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan dalam UUK.

Buat masa ini, KPKT sedang mengkaji kesesuaian untuk mengeluarkan garis panduan bagi mengawal selia kucing serta haiwan lain yang terbiar di kawasan PBT termasuk keperluan perlesenan.

KPKT tiada halangan sekiranya PBT ingin mengupah kontraktor untuk melaksanakan operasi tangkapan anjing liar disebabkan tenaga kerja PBT yang terhad dan bilangan aduan berkaitan anjing yang sentiasa meningkat. Semua kontraktor yang dilantik harus mematuhi tatacara yang digariskan di bawah Tatacara Operasi Seragam (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2014. Terdapat juga PBT yang mensyaratkan bahawa syarikat kontraktor perlu mempunyai perkhidmatan doktor veterinar atau pembantu veterinar.

Operasi tangkapan anjing terbiar yang dilaksanakan oleh PBT biasanya melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk Unit Kesihatan Persekitaran dan Unit Penguat kuasa PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). PBT sentiasa diingatkan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan haiwan terbiar di kawasan PBT khususnya keperluan pelesenan anjing peliharaan dan membuat hebahan budaya pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggung jawab oleh pemelihara haiwan kesayangan.

KPKT melalui JKT juga menganjurkan kursus dan latihan bagi meningkatkan kompetensi anggota PBT yang terlibat dalam operasi penangkapan anjing dan haiwan terbiar daripada segi pematuhan SOP KPKT yang sedia ada, termasuklah kepada tatacara berhadapan dengan orang awam yang menghalang tugas pegawai PBT semasa melaksanakan operasi pengurusan anjing terbiar. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiausaha.

## **PEMBINAAN LEBUHRAYA LINGKARAN TENGAH UTAMA PAKEJ 6**

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Sila Yang Berhormat Bentong.

### **2.47 ptg.**

**Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Simpang Pelangai adalah salah satu kawasan yang terletak di dalam DUN Pelangai di Parlimen Bentong yang mana kedudukannya agak jauh dan bersempadan dengan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Simpang Pelangai adalah satu kawasan yang agak jauh ketinggalan dari segi agihan pembangunan.

Oleh itu keadaan infrastruktur di Simpang Pelangai dan kawasan sekitarnya agak daif. Ini termasuklah dengan jalan utama keluar masuk ke kawasan Simpang Pelangai. Keadaan jalan tersebut tidak diselenggarakan dengan baik dan hanya terdapat satu jalan sahaja untuk ke Simpang Pelangai iaitu melalui Jalan Karak- Kuala Pilah.

Jalan ini pula akan melalui beberapa buah kawasan termasuklah kawasan Telemong. Di Telemong terdapat sebuah sungai yang merentasi kawasan tersebut yang dipanggil Sungai Telemong, yang mana apabila hari hujan lebat berlaku, sungai ini akan melimpahi kawasan Jalan Karak – Kuala Pilah ini dan menyebabkan banjir kilat sehingga tiada kenderaan ringan, dan kadang-kala

kenderaan berat juga tidak boleh melalui kawasan ini kerana arus yang terlalu deras.

Oleh itu apabila kejadian ini berlaku, penduduk di kawasan Simpang Pelangai dan kawasan berdekatan dengannya terputus hubungan bahkan anggota penyelamat juga tidak dapat pergi ke kawasan Simpang Pelangai. Oleh itu pembinaan Lebuh Raya Lingkaran Tengah Utama Pakej 6 yang bermula dari Chinta Manis sehingga ke Simpang Pelangai adalah satu keperluan yang paling penting untuk penduduk di Simpang Pelangai dan kawasan yang berdekatan dengannya.

Oleh yang demikian, Bentong ingin bertanya kepada pihak Kementerian, bilakah pembinaan lebuh raya ini akan dimulakan dan bilakah ia dijangka akan siap? Adakah terdapat kebarangkalian pembinaan lebuh raya ini akan disegerakan kerana keadaan dan keperluan kawasan Simpang Pelangai yang begitu mendesak untuk mempunyai sebuah kemudahan jalan dan akses lain bagi menghubungkan penduduk dengan kawasan luar serta sebagai satu keperluan jika berlaku hal-hal kecemasan. Bentong juga difahamkan kerja-kerja pembinaan lebuh raya ini telah lambat dari jadual yang sepatutnya.

Oleh itu Bentong memohon pihak Kementerian mengemukakan sebab mengapakah pembinaan lebuh raya ini tidak mengikut jadual yang sebenarnya. Adakah kerana masalah berkaitan dengan peruntukan atau masalah-masalah yang lain? Sekian, terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**2.49 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Jajaran *Central Spine Road* (CSR) atau Lebuh Raya Lingkaran Tengah Utama (LTU) ini bermula daripada Kuala Krai ke Simpang Pelangai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, jajaran LTU daripada Kuala Krai ke Simpang Pelangai telah siap direka bentuk sepenuhnya oleh KKR dan bersedia dilaksanakan jika mendapat kelulusan daripada agensi pusat. Walau bagaimanapun, semasa Sesi Pembentangan Bajet Pembangunan pada 28 Mei 2020 Agensi Pusat telah memutuskan agar jajaran CSR berakhir di Lebuh Raya Karak (E8). Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini akan meneruskan perancangan ini bagi memastikan Lebuh Raya Lingkaran Tengah Utama (LTU) ini diteruskan sehingga ke Simpang Pelangai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian juga mempunyai perancangan untuk menyambung LTU ini sehingga ke Selatan yang dinamakan *Southern Central Road* (SCR) atau Lebuh Raya Lingkaran Tengah Selatan (LTS) dan ia ada dalam dokumen HNPD 2030. Perancangan ini akan dibentangkan kepada Agensi Pusat, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak Agensi Pusat kelak.

Pihak yang terhormat boleh memohon melalui kerajaan negeri Pahang supaya baki jajaran LTU ke Simpang Pelangai ini diangkat semula ke Agensi Pusat untuk kelulusan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.



**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiausaha.

### **NAIK TARAF JALAN KEMAYAN-TEMERLOH**

**2.52 ptg.**

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat tentang keperluan untuk bertindak segera bagi memberi perhatian kepada menaik taraf Jalan Persekutuan (Jalan No.10) Jalan Kemayan-Temerloh bermula dari Kampung Pengkalan Manggis sehingga ke Kampung Belengu.

Tuan Yang di-Pertua, isu naik taraf Jalan Persekutuan ini telah disuarakan oleh penduduk sejak hampir sepuluh tahun. Jalan ini melibatkan sembilan buah kampung bermula dari Kampung Pengkalan Manggis, Kampung Tengah, Kampung Buntut Pulau, Kampung Pangsenam, Kampung Kuala Kujan, Kampung Pengkalan Jaya, Kampung Tanjung Kerayong, Kampung Lebak dan Kampung Tanjung Belengu. Keadaan jalan di kawasan ini sangat teruk, berlubang, mendap, berbonggol tinggi, selekoh bahaya dan pecah. Keadaan ini mengundang bahaya kepada penduduk sekitar dan pengguna jalan tersebut, kerana berisiko menyebabkan kemalangan.

Selain kemalangan, penduduk sekitar juga memaklumkan berlakunya kerosakan pada kenderaan, kerana permukaan jalan yang berlubang dan pecah. Saya datang dan melihat sendiri keadaan jalan yang sangat teruk, ditambah lagi dengan kehadiran jentera berat yang sering menggunakan jalan tersebut kerana terdapat dua projek dalam proses untuk disiapkan iaitu pembinaan Jambatan Temerloh Kedua dan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri untuk bertindak dan memberi perhatian yang lebih teliti dalam permasalahan ini serta mempertimbangkan dengan segera untuk menaik taraf jalan raya di kawasan ini bagi kemudahan penduduk sekitar yang telah menghadapi isu ini sejak hampir sepuluh tahun. Naik taraf jalan ini perlu disegerakan kerana jalan ini merupakan jalan utama yang menghubungkan Temerloh dengan Bera.

Penggunaan jalan ini sangat tinggi dan perlu dinaik taraf bagi mengelakkan kejadian kemalangan terutamanya pada waktu malam. Pertimbangan dan kerjasama daripada pihak Kementerian amat diharapkan demi kesejahteraan penduduk Temerloh. Dua soalan saya kemukakan untuk permasalahan ini:

- (i) apakah kementerian mempunyai perancangan segera untuk menaik taraf Jalan Persekutuan ini; dan
- (ii) bilakah permasalahan ini dijangka selesai.

Sekian, terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Sila Yang Berhormat Menteri.

**2.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Tiga-tiga dari Pahang, Tuan Yang di-Pertua. Bentong, Temerloh dan Lipis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pertanyaan Laluan FT 10 Jalan Kemayan-Temerloh yang melibatkan Daerah Temerloh adalah sepanjang 12 kilometer yang disenggarakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2021 hingga 2022, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM1.45 juta di bawah program penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui Arahan Kerja (AK) di laluan yang dimaklumkan di atas. Kerja-kerja penyenggaraan tersebut melibatkan 1 bilangan kerja berkala pavemen dan 1 bilangan kerja bukan pavemen dan kerja-kerja tersebut telah disiapkan sepenuhnya pada tahun semasa.

Manakala, bagi tahun 2023 pula, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM3.18 juta bagi penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui Arahan Kerja (AK) di FT10 Jalan Kemayan-Temerloh. Kerja-kerja penyenggaraan tersebut melibatkan 2 bilangan kerja berkala pavemen dan satu bilangan kerja bukan pavemen dan kerja-kerja akan dilaksanakan pada tahun ini dan dijangka siap pada Oktober 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan rutin iaitu skop kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput, perabot jalan, mencuci jambatan dan pemetung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin. Syarikat konsesi juga bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen yang dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Pihak syarikat turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja kecemasan dengan membuat tindakan segera jika berlaku kejadian yang di luar jangka. Sebagai contoh, kerja membersihkan jalan setelah kejadian tanah runtuh, menyediakan pelan pengurusan trafik atau *Traffic Management Plan* (TMP) dan menyediakan laluan sementara bagi membolehkan jalan dilalui oleh kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permohonan cadangan projek Membina Jalan Pintasan FT 10 Dari Tualang Ke Belengu, Temerloh, Pahang dan Naiktaraf Laluan FT 10 di seksyen 115.60 hingga seksyen 127.00 Jalan Gemas-Temerloh, Pahang Darul Makmur daripada Kerajaan Negeri Pahang pada Rolling Plan 1 (RP1), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) namun Kerajaan perlu mendahulukan projek-projek yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Pahang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang

dikemukakan kepada kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Sehubungan itu, disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang atau JKR Negeri Pahang untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang. Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri pada masa yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau permohonan melalui kerajaan negeri untuk menaik taraf jalan FT10 berdasarkan senarai keutamaan daripada negeri. Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Boleh PM tepi juga.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untunglah orang Pahang. Setiausaha.

## ISU TERNAKAN IKAN SANGKAR SUNGAI PAHANG

**2.59 ptg.**

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat mengenai permasalahan yang sedang dihadapi oleh golongan penternak ikan sangkar di pesisir Sungai Pahang khususnya di kawasan Temerloh. Pada 5 Mei 2023, saya telah mengadakan perjumpaan bersama kumpulan penternak ikan sangkar, mereka yang hadir ini mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan ikan sangkar, ada dalam kalangan mereka mempunyai pengalaman sehingga 30 tahun dalam dunia penternakan ikan sangkar.

Tuan Yang di-Pertua, Temerloh merupakan daerah terbesar dalam penghasilan pengeluaran ikan patin dan tilapia namun daerah ini amat bergantung kepada anak benih ikan dari luar negeri Pahang.

Ini adalah menjadi kebimbangan kepada kami sekiranya tiada suatu usaha bagi menghasilkan benih ikan yang datangnya dari sumber tempatan. Kadar kematian benih ikan cukup tinggi dan kualiti benih ikan harus memenuhi piawaian yang ditetapkan. Kumpulan ini telah menghantar sampel benih ikan ke Pusat Penyelidikan (Jabatan Perikanan Negeri) di Kuantan, namun hasil keputusan sampel tidak ada tindakan susulan kerana benih ikan dimaklumkan telah dijangkiti sejenis virus yang mengancam keseluruhan ikan di sangkar malahan keseluruhan ikan di sungai yang menyebabkan kematian ikan sangkar yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, selain isu benih anak ikan, isu utama adalah harga makanan ikan yang terus meningkat. Penggunaan dan keperluan makanan ikan di daerah Temerloh merupakan antara yang tertinggi dicatatkan. Kumpulan penternak kebiasaannya akan mengamalkan dan mengutamakan kualiti

pengeluaran penghasilan, jadi kebergantungan makanan pelet yang berkualiti amatlah penting. Jabatan Perikanan seharusnya mengeluarkan makanan ikan sendiri atau perlu memantau kualiti makanan ikan yang dibekalkan untuk memastikan kesesuaian dengan keperluan nutrisi ikan.

Kenaikan harga makanan ikan menjadi faktor utama kenaikan harga jualan ikan patin dan ikan tilapia. Tuan Yang di-Pertua, Bandar Temerloh yang terkenal sebagai Bandar Ikan Patin perlu dijaga dan isu ini diberi perhatian yang serius dalam membantu para penternak menghadapi permasalahan ini. Kerjasama daripada pihak kementerian amat diharapkan dan dipertimbangkan demi kesejahteraan kumpulan penternak ikan sangkar di Temerloh.

Beberapa soalan saya ingin kemukakan untuk permasalahan ini:

- (i) apakah kementerian mempunyai penyelidikan khusus dalam penghasilan benih ikan dan menetapkan piawaian tertentu bagi membolehkan penghasilan benih ikan yang berkualiti dan tidak dijangkiti oleh virus?;
- (ii) adakah kementerian bersama agensi terlibat membuat pemantauan di tempat penghasilan benih ikan untuk memastikan kualiti benih ikan terjamin?;
- (iii) bagaimanakah kementerian mengawal kenaikan harga makanan ikan dan apakah syarat yang melayakkan penternak mendapat subsidi untuk pembelian makanan ikan?;
- (iv) apakah perancangan kementerian dalam menangani pencemaran sungai yang menyebabkan kematian ikan sangkar dan kerugian yang besar khususnya dalam projek pam pasir?

Terima kasih itu sahaja.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.03 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Tuan Chan Foong Hin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mempunyai penyelidikan khusus dalam penghasilan benih ikan. Penyelidikan ini dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) dan Pusat Pengembangan Perikanan (PPA).

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi menjalankan Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersial Teknologi Akuakultur Mapan di mana RM3.6 juta peruntukan diterima pada tahun 2023. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan di bawah RMK12 sebanyak RM20 juta lagi bagi menjalankan Projek Penyelidikan dan Pembangunan Program Kesihatan Ikan Dalam Akuakultur di mana RM5 juta peruntukan diterima pada tahun 2023.

Bidang kajian penyelidikan adalah pelbagai termasuk kajian penyakit baka di samping kajian berterusan terhadap kajian pembangunan baka seperti siakap dan kerapu di IPP Tanjung Demong, udang galah dan udang harimau di IPP Pulau Sayak serta tilapia merah di IPP Gelang Patah. Pembangunan baka yang telah berjaya dihasilkan adalah siakap, udang galah dan tilapia manakala untuk spesies lain termasuk patin masih banyak cabaran dalam penyelidikan serta memerlukan masa yang lama.

Pada masa kini, Jabatan Perikanan Malaysia mempunyai 12 buah PPA di seluruh Malaysia yang berperanan sebagai pusat pengeluar benih berkualiti yang mampu mengeluarkan benih ikan sehingga 18 juta ekor setahun untuk edaran kepada para penternak. Setakat ini, hanya 3 spesies patin iaitu *Pangasianodon hypophthalmus* atau patin siam atau patin hitam, *Pangasius Conchophilus* atau patin kemboja dan *Pangasius Nasutus* atau patin buah serta tiada spesies hibrid dihasilkan. Di Pahang sahaja, terdapat sebanyak 22 nurseri ikan air tawar telah dibangunkan oleh pihak swasta hasil galakan daripada pihak jabatan.

IPP Glami Lemi, Negeri Sembilan merupakan institusi khusus bagi penyelidikan akuakultur ikan air tawar manakala Pusat Penyelidikan Kesihatan Ikan Kebangsaan (NaFisH) merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam penyelidikan kesihatan ikan termasuk penyakit ikan air tawar. Bagi tujuan penghasilan benih ikan yang berkualiti dan tidak dijangkiti oleh virus, IPP Glami Lemi telah menyediakan satu piawai dengan menghasilkan buku manual pembenihan ikan air tawar seperti ikan patin, patin buah dan tilapia untuk panduan para penternak.

Dalam usaha memperkasakan penghasilan baka dan benih ikan berkualiti, DOF telah merangka hala tuju dan strategi melalui Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur. Pembangunan benih dan induk berkualiti tertumpu kepada inisiatif mewujudkan *Nucleus Breeding Centre* (NBC) dan *Broodstock Multiplication Centre* (BMC) untuk spesies utama seperti kerapu, siakap, udang galah, udang marin, patin, tilapia dan kelah bagi membantu meningkatkan pengeluaran benih yang berkualiti serta mengurangkan kebergantungan terhadap benih yang diimport.

Sebanyak 4 NBC dan 4 BMC telah dibangunkan. Program ini turut melibatkan pihak swasta sebagai rakan strategik yang menerima dan menyebarkan luas penggunaan benih dari induk berkualiti. Pada masa kini, Jabatan Perikanan Malaysia mempunyai 12 buah PPA di seluruh Malaysia yang berperanan sebagai pusat pengeluar benih berkualiti yang mampu mengeluarkan benih ikan sehingga 18 juta ekor setahun untuk edaran kepada para penternak.

Kursus dan latihan berkaitan pengurusan induk, proses pembenihan, dan pengurusan asuhan turut ditawarkan agar penternak mendapat bimbingan dan pengetahuan. Satu kursus pembenihan ikan patin telah dilaksanakan pada 23 hingga 26 Mei 2023 melibatkan 14 orang penternak di Pusat Pengembangan Akuakultur Bukit Tinggi, Pahang. Jabatan juga memperkenalkan teknologi bagi pembenihan dan ternakan ikan patin seperti berikut:

- (i) penghasilan makanan hidup seperti moina higienik kepada pemain industri *hatchery* bagi mengurangkan kos makanan ikan dan penggunaan moina ini dapat membantu menghasilkan benih ikan yang berkualiti;

- (ii) penambahbaikan kaedah pembiakan secara aruhan bagi kegunaan penternak untuk menghasilkan benih ikan patin yang berkualiti;
- (iii) kaedah baharu yang dapat meningkatkan kadar penetasan telur dari 20 peratus ke 60 peratus berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh IPP Glemi Lemi;
- (iv) meningkatkan kadar hidup ikan patin dari peringkat rega sehingga 1 inci anak ikan patin dari 30 peratus ke 60 peratus melalui kaedah dan sistem asuhan;
- (v) membangunkan makanan kematangan bagi meningkatkan kadar pusingan kematangan induk patin supaya dapat meningkatkan pengeluaran benih;
- (vi) membangunkan sistem sangkar 2 dalam 1 (asuhan dan ternakan) yang dapat meningkatkan kadar hidup ikan patin (dalam proses) bagi meminimumkan kematian benih di sangkar penternak;
- (vii) menggunakan kaedah bioflok bagi mengurus air dan ternakan yang dapat mengeluarkan benih lebih tahan lasak, kadar hidup asuhan melebihi 95 peratus dan juga menjimatkan air, elektrik dan makanan; dan
- (viii) menumpukan perhatian terhadap aspek biosekuriti dalam pembangunan akuakultur untuk meminimumkan risiko kerugian akibat jangkitan penyakit dan kemerosotan kualiti baka ternakan. Antara langkah yang dilaksanakan adalah dengan mempergiatkan program penyelidikan bioteknologi untuk menghasilkan baka yang bermutu dari aspek bebas dan tahan penyakit serta mempunyai kadar tumbesaran yang optimum.

Selain itu, DOF melalui IPP sedang bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi menjalankan penyelidikan kesan perubahan iklim terhadap sumber perikanan termasuk benih ikan. Pusat Penyelidikan Kesihatan Ikan Kebangsaan (NaFisH) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa (IIUM) telah menjalankan 8 penyelidikan berkaitan ikan patin di Sungai Pahang termasuk penghasilan benih ikan patin bermula pada 2010 hingga kini.

Jabatan sentiasa memantau pengusaha *hatchery* dan nurseri atau asuhan benih ikan yang berdaftar dengan Jabatan. Lawatan teknikal secara berkala ke tapak-tapak projek dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebulan di peringkat daerah dan sekali tiga bulan oleh negeri oleh pegawai Jabatan Perikanan Malaysia di peringkat negeri bagi memberi khidmat nasihat kepada penternak mengenai kaedah pengurusan ternakan yang baik. Selain itu, Jabatan juga mempromosikan Amalan Akuakultur Baik serta pensijilan Ladang MyGAP melalui platform media sosial Jabatan dan sesi-sesi libat urus bersama penternak akuakultur termasuklah *hatchery* dan nurseri. Di Pahang sahaja, terdapat sebanyak 11 nurseri ikan patin telah dibangunkan oleh pihak swasta hasil galakan daripada pihak Jabatan.

Di samping itu, pihak pengusaha juga boleh menghantar sampel benih mereka ke NaFiSH atau Makmal Biosekuriti Perikanan bagi memastikan benih mereka bebas daripada sebarang penyakit bagi mengelakkan berlakunya penyebaran penyakit. Jabatan juga sentiasa siap siaga jika berlaku jangkitan penyakit terhadap ikan atau benih ikan. Program surveilans penyakit ikan di bawah Bahagian Biosekuriti Perikanan dilaksanakan secara berkala. Jadual persampelan tahunan dikeluarkan dan setiap ladang akan diambil sampel sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi mengetahui status ladang berkenaan. Sampel yang diambil akan dihantar ke makmal yang diakreditasi dan keputusan analisis akan direkodkan secara berkala.

Untuk makluman, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) tidak mengawal kenaikan harga makanan ikan yang terkesan dengan pelbagai faktor luar. Walau bagaimanapun, Jabatan melaksanakan pembangunan input ternakan seperti makanan ikan dan peralatan untuk membantu mengurangkan kos ternakan terutamanya kepada projek akuakultur berskala sederhana dan komersial. Antaranya adalah:

- (i) pemberian bantuan melalui program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur berupa input ternakan termasuk makanan ikan dan peruntukan di bawah PPSPA bagi penternak yang terjejas dengan bencana. Pada tahun 2022, sebanyak RM3.02 juta input peralatan dan makanan telah disalurkan kepada 299 penternak melalui SPeKS Akuakultur manakala RM8.2 juta telah dibelanjakan di bawah peruntukan PPSPA bagi membantu seramai 737 penternak akuakultur yang terjejas akibat banjir;
- (ii) peningkatan teknologi makanan ikan bagi keperluan sumber protein dalam makanan rumusan ikan dan udang dilaksanakan dengan penggunaan *grain pellets* dan bahan ramuan kaya karbohidrat seperti *rice bran*, termasuk inovasi bagi teknologi makanan hidup seperti kultur moina;
- (iii) penggunaan teknologi bioflok di ladang ternakan juga boleh mengurangkan penggunaan makanan (FCR) ikan sekaligus dapat mengurangkan kos makanan;
- (iv) pengecualian cukai (*tax exemption*) bagi pembelian peralatan sokongan seperti *genset, blower, pump system, piping system for water intake, paddle wheel* dan lain-lain peralatan dapat mengurangkan kos input yang tinggi terutamanya bagi projek yang berskala komersial dan ini sekaligus dapat mengurangkan impak kepada penetapan harga ikan di peringkat pengguna;
- (v) galakan penghasilan makanan sendiri juga tetap diteruskan melalui penganjuran kursus penghasilan makanan rumusan; dan
- (vi) memperkenalkan sebuah mesin *extruder* dengan jenama MSPEX bagi menghasilkan makanan ikan dan

sesuai digunakan oleh penternak kecil dan sederhana bagi penghasilan makanan ikan untuk kegunaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan tidak mempunyai kuasa dalam mengawal pencemaran sungai yang disebabkan oleh projek pam pasir. Walau bagaimanapun, Jabatan sentiasa berusaha bagi memastikan kejadian kematian ikan sangkar secara besar-besaran dapat dikawal.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyediakan satu SOP bagi menguruskan kejadian kematian ikan besar-besaran di perairan Malaysia. Prosedur ini turut melibatkan pihak berkepentingan lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia Malaysia, dan jabatan/agensi lain berkaitan supaya tindakan bersepadu boleh diambil dengan segera semasa berlakunya kejadian kematian ikan besar-besaran di perairan Malaysia. Selain itu, Jabatan juga mengguna pakai kod amalan atau garis panduan bagi pengurusan kes kematian dengan merujuk kepada Kaedah-kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Wilayah Persekutuan Labuan) 2017, Enakmen Perikanan Negeri-negeri yang berkaitan dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (JAS).

Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan mengadakan lawatan teknikal secara berkala ke tapak-tapak projek oleh pegawai Jabatan di peringkat negeri bagi memberi khidmat nasihat kepada penternak mengenai Kaedah Pengurusan Ternakan yang baik. Sebagai contohnya:

- (i) menasihati penternak memasukkan benih bersaiz 5-6 inci ke dalam sangkar di sungai Pahang berdasarkan keadaan cuaca dan kemerosotan kualiti air semasa. Saiz ini sesuai kerana benih lebih tahan lasak;
- (ii) penternak cenderung memasukkan benih terlalu padat di dalam sangkar sehingga pada kadar 2,000-3,000 ekor benih untuk sangkar bersaiz 4 meter kali 3 meter. Jabatan sering menyarankan supaya penternak memasukkan benih pada kadar 1,000-1,500 ekor benih untuk sangkar saiz berkenaan; dan
- (iii) terdapat juga penternak mengabaikan faktor kebersihan sangkar. Sangkar tidak dibersihkan terlebih dahulu sebelum benih baru dimasukkan. Ini menyebabkan berlakunya pembiakan bakteria dan mengancam ternakan.

Di samping itu, kakitangan Jabatan Perikanan juga sentiasa memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha untuk menjalankan operasi ternakan dan seterusnya menjaga kelestarian alam sekitar. Sekian, terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga hari Rabu, 14 Jun 2023 jam 2.30 petang.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.17 petang]***